

PM lawat

Dubai

BH 26 APR 2001

Daripada Zainuddin Aylp

DUBAI, Rabu – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mengadakan lawatan dua hari ke sini mulai esok dijangka menyampaikan pandangan mengenai perlunya negara Islam bersatu padu dan menggunakan sumber ilmu, idea baru dan kekayaan untuk bersaing dengan negara maju.

Beliau dijadual menyampaikan ucapan dasar bertajuk Menghadapi Cabaran Abad 21; Peranan Negara-negara Islam dalam satu persidangan anjuran Forum Antarabangsa Emirates yang dihadiri kira-kira 450 usahawan negara itu.

Duta Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Datuk Syed Hussein Al Habshee berkata, ini adalah kali kedua Perdana Menteri menghadiri dan menyampaikan ucapan anjuran forum itu selepas 1998.

Katanya, Dr Mahathir mempunyai lawatan yang padat sepanjang dua hari termasuk melawat Dubai Internet City (DIC) sambil mendengar taklimat daripada Ketua Pegawai Eksekutif DIC, Ahmad Byat.

Pada majlis itu, beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Perbadanan Kemajuan Multimedia (MSC) dan DIC selain perjanjian AirportXchange International dengan DIC.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri juga akan melawat Emirates Hills dan Dubai Marina selain mendengar taklimat mengenai kedua-dua projek raksasa itu.

Malamnya, beliau akan menghadiri majlis perjumpaan antara usahawan Malaysia dan UAE sambil berbincang mengenai kerjasama dua hala yang boleh dilaksanakan oleh usahawan kedua-dua negara.